

## **PENDAHULUAN**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah digubal pada tahun 1988 telah menggariskan tujuan pendidikan di Malaysia ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dengan matlamat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Sejak penggubalannya, FPK merupakan asas dan rujukan utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melakukan perubahan, merangka pelan pembangunan pendidikan, kurikulum, inisiatif, program, aktiviti dan pentaksiran pendidikan di negara ini.

Di peringkat sekolah rendah, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang dilaksanakan mulai tahun 1987 merupakan satu kayu ukur yang menunjukkan pencapaian murid dalam mata pelajaran akademik dan keputusan UPSR adalah indikator kejayaan yang ditunggu-tunggu murid, guru, ibu bapa, media, masyarakat dan pelbagai pihak lain.

Atas kesedaran bahawa pentaksiran yang holistik harus mengiringi pendidikan yang holistik, KPM mula mengambil inisiatif untuk mengkaji semula sistem peperiksaan yang ada pada tahun 2005. Konsep pentaksiran holistik dan bersepadu melalui satu sistem pentaksiran baharu dinamakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan diluluskan oleh YB Menteri Pendidikan pada tahun 2007 yang merangkumi peperiksaan pusat dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) supaya dapat mengumpul maklumat murid yang menyeluruh dan lebih bermakna.

## **KOMPONEN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH**

### **PENTAKSIRAN BILIK DARJAH**

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dan membantu guru membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan pembelajaran murid dari semasa ke semasa. Melalui PBD guru dapat:

- Menggalakkan pemikiran ingin tahu (inquisitive), kritis dan kreatif.
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran.
- Menerapkan nilai ketuhanan, nilai murni, estetika dan patriotisme.
- Mengesan perkembangan murid secara menyeluruh.
- Mengetahui keberkesanan pengajarannya.
- Mengambil tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta.

PBD dilaksanakan dalam semua mata pelajaran berdasarkan tahap penguasaan murid dan bukan untuk perbandingan antara individu. Guru menggunakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang menepati kurikulum dan bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21, serta kaedah pentaksiran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran untuk menentukan tahap penguasaan murid. Melalui aktiviti pembelajaran seperti tugas individu atau kumpulan, sumbang saran, debat, sketsa, pembentangan, atau eksperimen, serta menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti kuiz, kerja projek, laporan amali, peperiksaan, ujian bertulis, atau ujian lisan, guru dapat menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan standard pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum.

PBD dilaporkan dalam bentuk tahap penguasaan murid. Terdapat enam tahap penguasaan bagi setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan nilai.

## **PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM**

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) merupakan pentaksiran kegiatan kokurikulum sekolah yang merangkumi tiga aktiviti utama iaitu Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/Permainan. PAJSK bertujuan untuk menyediakan satu kaedah pentaksiran aktiviti kokurikulum dan kecergasan murid yang standard dan boleh diterima pakai oleh semua sekolah dan dilaksanakan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya. Keputusan Pentaksiran kokurikulum akan dipersembahkan dalam bentuk Prestasi Tahun Semasa (*Grade Point Average*) dan Himpunan Prestasi sepanjang tempoh persekolahan (*Cumulative Grade Point Average*). PAJSK dilaksanakan sepanjang tempoh persekolahan setiap tahun.

Pelaporan PAJSK memaparkan maklumat penglibatan, penyertaan dan prestasi bagi setiap aktiviti yang diceburi murid. Maklumat tersebut mengandungi perincian ringkas berkenaan penglibatan, jawatan yang disandang, peringkat penyertaan program/aktiviti yang disertai, kehadiran, komitmen dan khidmat sumbangan. Selain itu, aktiviti ekstra kurikulum turut diambil kira melalui perkhidmatan yang telah diberikan oleh murid kepada sekolah dan masyarakat, anugerah yang diterima, program NILAM dan tugas khas yang dilaksanakan oleh murid sepanjang tahun persekolahannya.

Pelaporan kecergasan fizikal murid berdasarkan kesihatan diukur melalui Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK). Ujian ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang pengetahuan dan amalan aktiviti kecergasan untuk meningkat dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan yang optimum. Komponen ini terkandung dalam kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah dan menengah. Ujian SEGAK terdiri daripada Ujian Indeks Jisim Badan (BMI) dan Ujian Fizikal yang dilaksanakan di semua sekolah pada bulan Mac dan Ogos setiap tahun.

## **PENTAKSIRAN PSIKOMETRIK**

Pentaksiran Psikometrik (PPsi) merupakan satu kaedah sistematik yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang dapat menggambarkan ciri, atribut atau tret psikologi seseorang, sama ada dalam domain kognitif atau afektif. PPsi diperkenalkan untuk mengukur kebolehan semula jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperoleh (*acquired ability*) seperti personaliti, minat kerjaya, aptitud atau kebolehan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berfikir. Pelaksanaan PPsi di sekolah rendah bagi Tahun 6 berfokus kepada Ujian Aptitud Khusus. Ujian Aptitud Khusus mengukur ciri yang menggambarkan potensi seseorang murid untuk menceburi bidang pembelajaran, aliran persekolahan atau bidang pekerjaan pada masa akan datang. Ujian Aptitud Khusus direka bentuk untuk mengenal pasti sama ada murid memiliki kecerdasan seperti Verbal Linguistik, Visual Ruang, Logik Matematik, Muzik, Naturalis, Kinestatik, Interpersonal, Intrapersonal dan Eksistensial.

## **UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH**

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menilai pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di Samping Bahasa Cina atau Bahasa Tamil bagi murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). UPSR berperanan sebagai *check point* untuk mengukur kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul selama enam tahun di sekolah rendah.

## **PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH RENDAH**

Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) yang dilaksanakan mulai tahun 2016 untuk menggalakkan penglibatan dan pembelajaran bermakna melalui kemahiran dalam situasi kehidupan sebenar murid. PASR bertujuan untuk menyediakan pelaporan komprehensif khusus bagi Murid Berkeperluan khas (MBK) masalah pembelajaran. Pencapaian murid diukur dalam mata pelajaran akademik berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Masalah Pembelajaran melalui

pentaksiran bersepadu (*integrated assessment*) yang terdiri daripada dua instrument, iaitu Projek Pendidikan Khas (ProKhas) 1 dan ProKhas 2.

ProKhas 1 mengukur penguasaan dalam kemahiran Bahasa Melayu, Matematik dan Kemahiran Hidup (KH). Murid boleh memilih satu daripada empat komponen KH yang ditawarkan, iaitu masakan, jahitan, penternakan, atau perkebunan. Manakala ProKhas 2 pula melibatkan Bahasa Inggeris dan Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (PSSAS).

## **UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH**

Pada tahun 2017, seramai 10,717 orang calon FELDA telah mendaftar untuk menduduki UPSR. UPSR telah dijalankan pada 11 hingga 14 dan 18 September 2017 di 270 buah sekolah kebangsaan di rancangan FELDA

## **PENCAPAIAN CALON**

Pencapaian calon FELDA UPSR tahun 2017 ini memberi fokus kepada tahap penguasaan minimum iaitu calon mencapai sekurang-kurangnya gred D dalam semua mata pelajaran. Peratusan calon mencapai tahap penguasaan minimum adalah mendatar bagi tahun 2017 dan 2016, calon yang mencapai penguasaan tahap minimum seramai 7,202 (67.2%) calon pada tahun 2017 dan 7,290 (67.2%) calon pada tahun 2016. Peratusan calon yang belum mencapai tahap penguasaan minimum iaitu mendapat sekurang-kurangnya satu gred E meningkat sebanyak 0.4% iaitu 31.7% pada tahun 2017 berbanding 31.3% pada tahun 2016. Manakala peratusan calon yang belum mencapai tahap penguasaan minimum iaitu gred E dalam semua mata pelajaran turun sebanyak 0.4% iaitu 1.1% pada tahun 2017 berbanding 1.5% pada tahun 2016. Hal ini menunjukkan prestasi calon FELDA UPSR tahun 2017 dan 2016 adalah mendatar. Jadual 1 menunjukkan tahap penguasaan minimum calon bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016.

Tahap Penguasaan Minimum	2017		2016	
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%
Mencapai	7,202	67.2%	7,290	67.2%
Belum Mencapai Sekurang-kurangnya Satu Mata Pelajaran	3,394	31.7%	3,402	31.3%
Belum Mencapai Semua Mata Pelajaran	121	1.1%	164	1.5%
Jumlah	10,717	100.0%	10,856	100.0%

**Jadual 1** Perbandingan Tahap Penguasaan Minimum Tahun 2017 dengan 2016

Analisis tahap penguasaan minimum terperinci ditunjukkan seperti Jadual 2. Peratusan calon yang mendapat semua A pada tahun ini telah meningkat seramai 92 (0.9%) calon iaitu 150 (1.4%) calon pada tahun 2017 berbanding 58 (0.5%) calon pada tahun 2016.

Tahap Pencapaian	2017		2016	
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%
Semua A	150	1.4%	58	0.5%
Maksimum 1B	211	2.0%	135	1.2%
Minimum 2B	600	5.6%	718	6.6%
Minimum C	1,920	17.9%	2,187	20.1%
Minimum D	4,321	40.4%	4,192	38.7%
Minimum E	3,368	31.4%	3,371	31.1%
Semua E	121	1.1%	164	1.5%
Lain-lain Kombinasi	26	0.2%	31	0.3%
Jumlah	10,717	100.0%	10,856	100.0%

**Jadual 2** Perbandingan Pencapaian Calon FELDA Peperiksaan UPSR Tahun 2017 dengan tahun 2016

## **PRESTASI MATA PELAJARAN**

Pencapaian calon dalam mata pelajaran bahasa diukur melalui tahap pengetahuan sistem bahasa, kemahiran aplikasi maklumat, serta kemahiran kreatif dan apresiasi bahasa yang dipamerkan oleh calon dalam bentuk pemahaman dan penulisan yang berkesan.

Mata pelajaran Matematik pula mengukur keupayaan mengetahui, memahami dan mengaplikasi operasi matematik, kemahiran menilai dan mencipta, serta keupayaan menyelesaikan masalah harian secara sistematik, tepat dan teliti. Manakala mata pelajaran Sains pula mengukur pengetahuan dan pemahaman sains, kemahiran proses sains, kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Dalam kertas pemahaman semua bahasa, calon pada tahap cemerlang berupaya menguasai pengetahuan dan kefahaman sistem bahasa dengan kosa kata yang tepat dan luas. Mereka juga menguasai kemahiran aplikasi bahasa dan maklumat serta kemahiran kreatif dan apresiasi bahasa dalam menyampaikan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai bahan dengan cemerlang. Calon pada tahap memuaskan menguasai pengetahuan dan kefahaman tatabahasa dan berupaya menyampaikan sebahagian maklumat yang diperoleh pada tahap sederhana. Calon yang belum mencapai tahap minimum menunjukkan penguasaan pengetahuan dan kefahaman sistem bahasa pada tahap rendah dengan kosa kata terhad serta penyampaian maklumat yang kurang memuaskan.

Bagi kertas penulisan dalam semua bahasa, calon cemerlang mempamerkan penguasaan dalam penggunaan pelbagai ayat yang gramatis, penggunaan pelbagai kata dan kosa kata yang tepat dan luas serta pengolahan idea yang sangat baik dengan penyampaian yang sangat jelas dan sangat menarik. Calon pada tahap memuaskan menguasai kosa kata yang betul pada tahap sederhana serta berupaya menyampaikan sebahagian maklumat yang diperoleh daripada pelbagai bahan dengan memuaskan. Bagi calon yang belum mencapai tahap minimum, penguasaan dalam kata dan kosa kata

adalah sangat terhad, ayat tidak gramatis serta penyampaian dan pengolahan idea bercampur aduk dan tidak menarik.

Keputusan UPSR berdasarkan mata pelajaran Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris, dilaporkan melalui pencapaian tahap penguasaan minimum ditunjukkan dalam Jadual 3.

Mata Pelajaran	Tahun	TAHAP PENGUSAHAAN MINIMUM (%)		Jumlah Menduduki
		MENCAPAI	BELUM MENCAPAI	
011 - Bahasa Melayu Pemahaman (SK)	2017	97.4%	2.6%	10,700
011 - Bahasa Melayu Pemahaman (SK)	2016	95.9%	4.1%	10,839
012 - Bahasa Melayu Penulisan (SK)	2017	96.6%	3.4%	10,701
012 - Bahasa Melayu Penulisan (SK)	2016	95.7%	4.3%	10,840
013 - Bahasa Inggeris Pemahaman (SK)	2017	85.0%	15.0%	10,716
013 - Bahasa Inggeris Pemahaman (SK)	2016	81.4%	18.6%	10,843
014 - Bahasa Inggeris Penulisan (SK)	2017	72.2%	27.8%	10,716
014 - Bahasa Inggeris Penulisan (SK)	2016	77.6%	22.4%	10,847

**Jadual 3 Analisis** Tahap Penguasaan Mata Pelajaran Bahasa tahun 2017 dan 2016

Bagi mata pelajaran Matematik, calon cemerlang berupaya menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matematik secara sistematik dalam semua konteks; menguasai kemahiran asas matematik; dan kemahiran menyelesaikan masalah dengan menggunakan pelbagai strategi betul dan tepat dalam semua konteks. Calon pada tahap memuaskan hanya menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matematik secara sistematik serta menguasai kemahiran menyelesaikan masalah menggunakan pelbagai strategi betul dan tepat dalam sebahagian konteks. Calon yang belum mencapai tahap penguasaan minimum hanya menguasai pengetahuan dan kemahiran asas matematik yang rendah.

Bagi mata pelajaran Sains pula, calon cemerlang berupaya mempamerkan penguasaan pengetahuan dan pemahaman dalam semua fakta dan konsep asas sains, kemahiran proses sains dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam semua situasi. Bagi calon



pada tahap memuaskan, calon hanya menguasai pengetahuan dan pemahaman dalam sebahagian fakta dan konsep asas sains, sebahagian kemahiran proses sains dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam sebahagian situasi. Calon yang belum mencapai tahap minimum dalam mata pelajaran Sains hanya menguasai pengetahuan, pemahaman dan kemahiran proses sains serta kemahiran menyelesaikan masalah pada tahap minimum. Keputusan UPSR Matematik dan Sains dilaporkan melalui tahap penguasaan ditunjukkan dalam Jadual 4.

Mata Pelajaran	Tahun	TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (%)		Jumlah Menduduki
		MENCAPAI	BELUM MENCAPAI	
015 - Matematik	2017	80.9%	19.1%	10,701
015 - Matematik	2016	78.6%	21.4%	10,840
018 - Sains	2017	96.4%	3.6%	10,699
018 - Sains	2016	95.8%	4.2%	10,842

**Jadual 4** Analisis Tahap Penguasaan Mata Pelajaran Matematik dan Sains

#### RUMUSAN KEPUTUSAN UPSR KESELURUHAN WILAYAH CEMERLANG SEMUA GRED A 2017

Wilayah	2017
	Bil. Calon A
Alor Setar	8
Trolak	7
Raja Alias	24
Segamat	10
Johor Bahru	26
Mempaga	5
Jengka	19
Kuantan	26
Terengganu	21
Gua Musang	3
Sahabat	1
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>

## **PENUTUP**

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah yang terdiri daripada PBD, PAJSK, PPSi, keputusan UPSR dan PASR mengandungi pelbagai maklumat mengenai murid secara menyeluruh. Maklumat ini harus digunakan oleh semua pihak kerana pelaporan ini menggambarkan profil murid sebagai modal insan untuk negara pada masa akan datang. Laporan peringkat Nasional juga menggambarkan status pendidikan sekolah rendah di Malaysia.

Peranan guru dalam bilik darjah adalah sangat penting bagi memastikan hasrat FPK dapat dicapai. Kejayaan pendidikan sekolah rendah bermula dari Tahun 1 sehingga Tahun 6. Usaha pentadbir sekolah dan guru dapat dilihat dengan jelas dalam Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah ini.

FELDA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menjalankan tugas dan tanggungjawab khususnya di peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan FELDA, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Sekolah, wilayah dan rancangan FELDA, persatuan ibu bapa dan guru, serta badan-badan sukarela dalam memastikan kejayaan generasi baru FELDA dalam bidang pelajaran. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha dan perancangan yang rapi semua pihak yang terlibat. Semoga hasrat memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dalam usaha meningkatkan kemenjadian murid yang digariskan dalam PPPM dapat dilaksanakan dengan sistematik dan baik.

Yang benar,

**MOHD RIDZUAN BIN MOHD NOOR**

Pengarah  
Jabatan Pendidikan  
FELDA

## RINGKASAN DATA PPSR

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) merangkumi 5 komponen iaitu:-

### 1. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dan membantu guru membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan pembelajaran murid dari semasa ke semasa.

### 2. Pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum (PAJSK)

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) merupakan pentaksiran kegiatan kokurikulum sekolah yang merangkumi tiga aktiviti utama iaitu Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/Permainan. PAJSK bertujuan untuk menyediakan satu kaedah pentaksiran aktiviti kokurikulum dan kecergasan murid yang standard dan boleh diterima pakai oleh semua sekolah dan dilaksanakan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya.

### 3. Pentaksiran Psikometrik (PPsi)

Pentaksiran Psikometrik (PPsi) merupakan satu kaedah sistematik yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang dapat menggambarkan ciri, atribut atau tret psikologi seseorang, sama ada dalam domain kognitif atau afektif. PPsi diperkenalkan untuk mengukur kebolehan semula jadi (*innate ability*) dan kebolehan yang diperoleh (*acquired ability*) seperti personaliti, minat kerjaya, aptitud atau kebolehan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berfikir.

#### **4. Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)**

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menilai pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di Samping Bahasa Cina atau Bahasa Tamil bagi murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). UPSR berperanan sebagai *check point* untuk mengukur kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul selama enam tahun di sekolah rendah.

#### **5. Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR)**

Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) yang dilaksanakan mulai tahun 2016 untuk menggalakkan penglibatan dan pembelajaran bermakna melalui kemahiran dalam situasi kehidupan sebenar murid. PASR bertujuan untuk menyediakan pelaporan komprehensif khusus bagi Murid Berkeperluan khas (MBK) masalah pembelajaran. Pencapaian murid diukur dalam mata pelajaran akademik berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Masalah Pembelajaran melalui pentaksiran bersepadu (*integrated assessment*) yang terdiri daripada dua instrument, iaitu Projek Pendidikan Khas (ProKhas) 1 dan (ProKhas) 2 seperti berikut:

- **ProKhas 1**

Mengukur penguasaan dalam kemahiran Bahasa Melayu, Matematik dan Kemahiran Hidup (KH).

- **ProKhas 2**

Mengukur penguasaan dalam Bahasa Inggeris dan Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (PSSAS).

## STATISTIK PENCAPAIAN UPSR 2017

Tahap Penguasaan Minimum	2017	
	Bil.Calon	%
Mencapai Tahap penguasaan minimum <b>(A, B, C, dan D Sahaja)</b>	7,202 <b>(Termasuk Semua A 150 Orang)</b>	67.2%
Belum Mencapai Sekurang-kurangnya Satu Mata Pelajaran. <b>(Terdapat E dalam Mata Pelajaran)</b>	3,394	31.7%
Belum Mencapai Semua Mata Pelajaran <b>(Semua E)</b>	121	1.1%
Jumlah	10,717	100.0%